

# **Kertas Bil. 48/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN INVESTMENT  
GROUP (DEIG)**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 17-21 Ogos dan 24-28 Ogos 2015.

**2. LATARBELAKANG DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)**

Darul Ehsan Investment Group (DEIG) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah entiti swasta pada 4 Disember 2014 bagi menguruskan pelaburan strategik serta merasionalisasikan dan menstrukturkan semula aset anak syarikat di bawah MBI. MBI ditubuhkan di bawah Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar 1994. MBI merupakan pemilik mutlak DEIG. Ahli Lembaga Pengarah DEIG terdiri daripada Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif MBI dan Ketua Pegawai Operasi MBI.

**3. AHLI JAWATANKUASA**

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)        | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)    | Ahli      |

- |   |      |
|---|------|
| 6. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)   | Ahli |
| 7. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |

#### **4. PENDENGARAN TERTUTUP**

JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 8 Julai 2015 (Rabu) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai latar belakang penubuhan dan struktur organisasi DEIG. Wakil-wakil daripada MBI hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

##### **4.1 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR**

- |  |           |
|--|-----------|
| 1.Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)   | Ahli      |
| 3. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)               | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)      | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)       | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | Ahli      |

## **4.2 SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERI KETERANGAN**

Jabatan yang dijemput adalah Pemerbadanan Menteri Besar (MBI):

1. YM Raja Shahreen bin Raja Othman  
Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer) MBI
2. Encik Soffan Affendi bin Aminudin  
Ketua Pegawai Operasi (Chief Operating Officer) MBI
3. Encik Ahmad Ashraf  
Pengurus Kanan MBI

## **5. ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA**

Hasil daripada pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat satu isu utama yang perlu diberikan penekanan iaitu keperluan menubuhkan DEIG untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat di bawah MBI.

## **6. PENEMUAN JAWATANKUASA**

### **6.1 Keperluan Menubuhkan DEIG Untuk Menstrukturkan Semula Anak-Anak Syarikat Di Bawah MBI**

#### **6.1.1. Perakuan MBI**

1. Sebelum penubuhan DEIG, struktur organisasi MBI mengandungi 74 anak syarikat seperti yang ditunjukkan dalam carta organisasi MBI di Lampiran 1. Kebanyakan anak syarikat tersebut mempunyai pelbagai strategi yang tidak selaras dengan objektif penubuhan syarikat serta kehendak Kerajaan Negeri.
2. DEIG ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bertujuan untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat MBI dan melaksanakan pelaburan strategik untuk Kerajaan Negeri.
3. DEIG ditubuhkan supaya MBI boleh memfokuskan peranannya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri.
4. DEIG juga berperanan melindungi MBI daripada tindakan undang-undang seperti yang ditunjukkan dalam carta organisasi DEIG di Lampiran 2.
5. Oleh sebab DEIG tidak disekat oleh Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar 1994, DEIG boleh membuat pinjaman dari pasaran.
6. Ahli Lembaga Pengarah DEIG terdiri daripada Menteri Besar, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi DEIG.
7. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi DEIG adalah sama dengan MBI.
8. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi MBI/DEIG dibuat secara lantikan terus oleh Menteri Besar.
9. DEIG akan terlibat secara langsung dalam membuat keputusan komersial bagi menjana keuntungan serta melaksanakan pelaburan strategik Kerajaan Negeri yang merangkumi aspek pengurusan dan pembangunan harta tanah, perlombongan galian dan mineral, pengurusan infrastruktur, pengurusan sisa pepejal, pemerksaan media dan komunikasi, pengurusan dan pembangunan pendidikan dan sebagainya. Proses pengukuhan DEIG akan mengambil masa satu tahun dan hasil daripada pengukuhan tersebut akan dapat dilihat dalam tempoh dua tahun.
10. Buat masa kini, DEIG tidak mempunyai strategi yang jelas bagi menstrukturkan semula anak syarikat yang tidak menjana keuntungan. Jumlah hutang anak syarikat tersebut kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM 450 juta. Walaupun begitu, DEIG akan menawarkan khidmat

nasihat pakar untuk memastikan anak syarikat yang mengalami kerugian mempunyai model perniagaan yang kukuh dan mampu menjana keuntungan bagi Kerajaan Negeri.

11. DEIG tidak memiliki sebarang aset dan bertindak sebagai syarikat induk (holding company) serta dana berdaulat (sovereign fund) seperti Khazanah Nasional.
12. Pindah milik aset MBI dan anak-anak syarikatnya kepada DEIG tidak dilaksanakan kerana akan menimbulkan kos percukaian dan *stamp duty* yang tinggi.
13. Nilai anggaran aset-aset yang dimiliki oleh MBI jika dijual pada harga pasaran ialah antara RM 20 billion hingga RM 30 billion.
14. MBI juga memiliki kira-kira 5,000 hektar tanah. DEIG akan melaksanakan usaha sama dengan pihak swasta dalam memajukan tanah-tanah tersebut untuk menjana keuntungan. Segala hasil yang diperoleh oleh DEIG akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri melalui pemegang saham MBI. DEIG sedang menjalankan proses permohonan maklumat [Request for Information (RFI)] daripada pemaju bagi tujuan usaha sama ini. Proses permohonan penawaran [Request for Bid (RFB)] akan dijalankan dalam tempoh dua hingga tiga bulan dari sekarang.
15. DEIG tidak boleh membuat keputusan untuk menjual aset MBI tanpa mendapatkan kelulusan dari Lembaga Pengarah MBI termasuk pemegang saham MBI.

#### **6.1.2. Kenyataan Jabatan Audit Negeri Selangor**

1. Penstrukturkan semula anak-anak syarikat harus dilakukan di peringkat MBI sendiri dan bukannya melalui penubuhan DEIG ataupun syarikat baru.
2. Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar 1994 tidak memperuntukkan keperluan MBI untuk membentangkan laporan kewangan mereka kepada Dewan Negeri walaupun MBI merupakan badan berkanun milikan Kerajaan Negeri.
3. Oleh sebab DEIG ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah entiti swasta, ia tidak diwajibkan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negeri serta membentangkan laporan kewangan ke Dewan Negeri.

### **6.1.3 Penemuan Jawatankuasa**

1. Walaupun penubuhan DEIG mempunyai niat yang baik namun Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa penubuhan DEIG diperlukan untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat di bawah MBI. Penstrukturkan semula anak-anak syarikat boleh dilakukan di peringkat MBI tanpa penubuhan entiti baru.
2. Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa DEIG mempunyai satu sistem akauntabiliti dan pemantauan tadbir urus yang menyeluruh.
3. Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa keahlian Ahli Lembaga Pengarah DEIG yang terdiri daripada tiga orang sahaja iaitu Dato Menteri Besar, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi DEIG mampu menghasilkan sistem semak dan imbang yang efektif dan telus.
4. Jawatankuasa memandang serius pelantikan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi MBI/DEIG yang tidak dilakukan melalui proses lantikan terbuka.
5. Jawatankuasa memandang serius peranan penubuhan DEIG untuk melindungi MBI daripada tindakan undang-undang kerana Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa peranan tersebut dapat menerapkan nilai kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam urus tadbir Kerajaan Negeri.
6. Jawatankuasa mendapati bahawa DEIG belum ada satu sistem yang teguh dan telus lagi yang boleh memastikan setiap perjanjian usaha sama adalah adil dan saksama bagi pihak Kerajaan Negeri. Ini adalah amat penting kerana anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sebelum ini sering kali menandatangani perjanjian berat sebelah yang menguntungkan pihak swasta.
7. Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa pihak pengurusan DEIG yang sedia ada mampu membuat keputusan komersial dan pelaburan strategik yang terbaik untuk Kerajaan Negeri Selangor.
8. Jawatankuasa berpendapat bahawa keupayaan DEIG untuk membuat pinjaman akan membawa risiko kepada Kerajaan Negeri terutamanya dengan sistem kompetensi, akauntabiliti, semak dan imbang yang tidak cukup teguh sekarang.
9. Jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa penubuhan DEIG memadai untuk mengatasi persaingan antara anak syarikat di bawah MBI dengan anak syarikat di bawah entiti yang berlainan dapat dielak.

10. Jawatankuasa berpendapat bahawa jika penubuhan DEIG adalah diperlukan, ia boleh menjadi salah satu daripada anak syarikat MBI sebagai juru perunding untuk memberi nasihat komersial kepada anak-anak syarikat MBI lain dan bukan sebagai sebuah entiti yang mempunyai bidang kuasa untuk mengawal operasi semua anak syarikat MBI.
11. Sehingga Memorandum dan Artikel penubuhan DEIG diserahkan kepada Jawatankuasa untuk diteliti, Jawatankuasa tidak yakin dengan perakuan MBI bahawa DEIG tidak boleh membuat keputusan untuk menjual aset MBI tanpa mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah MBI termasuk pemegang saham MBI.
12. Jawatankuasa tidak dapat mengenalpasti nilai anggaran aset-aset yang dimiliki oleh MBI antara RM 20 billion hingga RM 30 billion seperti yang dinyatakan oleh pihak MBI kerana nilai tersebut tidak ditunjukkan dalam laporan kewangan tahunan MBI.

## 7. SARANAN JAWATANKUASA

### 7.1 Saranan Teras

1. Oleh sebab DEIG akan mengendali aset-aset Kerajaan Negeri dengan nilai yang besar, maka Kerajaan Negeri hendaklah membentangkan satu Kertas Putih yang menjelaskan peranan, pengurusan dan sistem urus tadbir DEIG kepada Dewan dan meyakinkan Dewan bahawa penubuhan DEIG adalah diperlukan dan perancangannya adalah menyeluruh.
2. Sebelum Kertas Putih tersebut dibentangkan, segala aktiviti dan operasi DEIG terutamanya usaha sama dengan pihak swasta harus ditangguhkan manakala penstrukturian semula anak-anak syarikat MBI boleh diteruskan di peringkat MBI.

### 7.2 Saranan Sokongan

1. Jawatankuasa setuju dengan cadangan Jabatan Audit bahawa penstrukturian semula anak syarikat Kerajaan Negeri hendaklah dilakukan di peringkat MBI sendiri dan bukannya melalui penubuhan DEIG ataupun syarikat baru. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan penubuhan DEIG.
2. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji keperluan untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar 1994 untuk meningkatkan ketelusan urus tadbir

MBI. Contohnya, mewajibkan MBI untuk membentangkan laporan kewangan mereka kepada Dewan Negeri dan memastikan pengurusannya diaudit oleh Jabatan Audit Negeri.

3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan bahawa DEIG mempunyai sistem urus tadbir yang menyeluruh dan telus sebelum DEIG memulakan operasi dan bukan sebaliknya.
4. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula dasar dan objektif penubuhan DEIG supaya peranan yang dimainkan oleh DEIG menerapkan nilai kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam urusan pentadbiran korporat dan bukannya berperanan melindungi MBI daripada tindakan undang-undang.
5. MBI dan DEIG hendaklah sentiasa memberikan maklum balas berhubung proses penstrukturran semula anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri.

## **8. PENUTUP**

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada hari Selasa, 14 Julai 2015.

Disahkan oleh:



.....  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib


Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

## **URUS SETIA**

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

## **LAMPIRAN 1**

## CURRENT GROUP STRUCTURE OF MBI



## **LAMPIRAN 2**

# RASIONALISASI ASET DAN PENSTRUKTURAN SEMULA



Menteri Besar Incorporated

100%

Jawatankuasa  
Pengawasan / Badan

DEIG Investment  
Committee



Pelabur Strategik  
Kerajaan Negeri

